

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kemahiran menulis karangan adalah kemahiran yang penting dalam sesuatu program bahasa. Kemahiran menulis merupakan kemahiran lanjutan setelah pelajar dapat menguasai kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Berbanding dengan kemahiran mendengar, bertutur dan membaca, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang lebih lambat dan perlana diterima oleh seseorang. Semasa seseorang itu menulis, dia akan menemukan beberapa banyak perkara baru seperti menyedari batasan-batasan pemikirannya, dapat melihat hubungkait antara pelbagai fakta yang dahulunya tidak dapat dikesan, dan berbagai perkara lain. Untuk menulis sesuatu dengan jelas, seseorang itu perlu mengamatinya dengan jelas juga.

Dalam keadaan yang sebenarnya seseorang penulis akan menghasilkan ayat-ayat yang disusun di dalam satu bentuk tertentu, berkaitan serta mempunyai pertalian yang erat. Mungkin ayat-ayat yang dilahirkan itu pendek tetapi oleh sebab pertalian idea yang berhubung rapat serta disusun di dalam satu bentuk yang lengkap dan sempurna ianya menjadi satu penghasilan yang padu dan koheran. Menulis dan mengarang seterusnya memerlukan keupayaan merekodkan, iaitu sesuatu idea atau pemikiran diterjemahkan dalam bentuk bahasa. Dalam penulisan, pembaca tidak hadir. Oleh itu perlulah dipastikan segala apa yang ditulis boleh difahami oleh orang lain. Dalam hal ini penyusunan ayat-ayat dalam karangan atau penulisan haruslah padu dan sempurna serta sejelas yang boleh supaya melalui media penulisan, penulis dapat berhubung dengan

pembaca. Perkara ini diakui oleh Arapoff (1970:4) dengan pendapat beliau yang berbunyi:

“Writing is much more than orthographic symbolization of speech. It is most importantly, a purposeful selection and organization of experience. How clear the purpose and how relevant and well organized the facts, determine the effectiveness of writing”

‘Karangan’ menurut Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah (1988) adalah komposisi penulisan melahirkan perasaan, fikiran, pendapat dan menyatakan pengalaman sendiri melalui penulisan. Penyataan yang tercatat di dalam sukan itu ditegaskan lagi oleh Koh Boon (1981) dengan menghuraikan bahawa penulisan karangan akan memberi latihan kemahiran dalam dua aspek. Aspek pertama ialah latihan memilih secara logik, meliputi kebolehan kognitif untuk menggulung, membanding, menyimpul, menggabung dan sebagainya. Aspek kedua pula ialah latihan menggunakan teknik-teknik bahasa termasuk membina ayat yang bertatabahasa iaitu menyusun sekumpulan ayat yang berkait untuk menjadi satu perenggan yang berturutan supaya menjadi sebuah karangan yang baik. Dalam erti kata yang lain, penulisan melibatkan dua gabungan aktiviti unik iaitu pemikiran dan penglahirannya dalam bentuk penulisan.

Begitu juga dengan Kamarudin (1986) yang menyatakan bahawa menulis dan mengarang merupakan alat untuk melahirkan fikiran serta perasaan dalam bentuk

bahasa yang tersusun. Seseorang individu lain dapat menikmati hasil pemikiran dan perasaan orang lain melalui butir-butir tulisan seseorang penulis.

Kemahiran penulisan Bahasa Malaysia murid-murid sekolah rendah akan diteruskan apabila mereka memasuki peringkat sekolah menengah rendah khususnya tingkatan satu. Dalam aspek penulisan, ‘Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Rendah’ (1983) dengan jelas menyatakan bahawa di akhir program Bahasa Malaysia, murid-murid seharusnya boleh menghasilkan penulisan yang baik dan jelas dalam pelbagai bentuk penulisan karangan dan kerja-kerja bertulis yang lain.

Menurut Khatijah Abdul Hamid (1982), tingkat pencapaian pelajaran adalah berbeza kerana pelajar berbeza dari segi kemampuan mental, bakat dan minat. Di samping itu pula kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta latar belakang pelajar yang berbeza turut mempengaruhi keupayaan pelajar untuk menguasai kemahiran menulis dan mengarang. Oleh itu guru hendaklah bijak merancang pengajaran dan pembelajaran menulis dan mengarang.

Menyedari hakikat ini, setiap guru bahasa hendaklah berusaha mempertingkatkan kebolehan menulis dan mengarang di kalangan pelajar dengan mencuba teknik-teknik mengajar menulis dan mengarang yang difikirkan sesuai dan berkesan. Merancang satu bentuk pengajaran menulis atau mengarang yang rapi lagi tersusun adalah penting bagi memupuk kemahiran menulis bagi memenuhi keperluan dalam dunia persekolahan dan dunia pekerjaan yang penuh cabaran sekarang.

1.1 Penyataan Masalah

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan (1986) telah menjalankan pengesanan di peringkat negara tentang penguasaan kemahiran menulis dan mengarang murid-murid tahun lima KBSR pada tahun 1986. Dapatan daripada pengesanan tersebut menggambarkan bahawa cuma terdapat 53% hingga 73% murid KBSR sahaja yang telah menguasai kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran lisan dan bacaan yang mencapai 87.1% hingga 94.2%.

Dapatan di atas mengesahkan pendapat para pendidik bahasa yang berpendapat bahawa di antara bidang-bidang kemahiran bahasa iaitu, mendengar, bertutur, membaca dan menulis, bidang penulisan adalah kemahiran yang paling tinggi dan agak sukar dikuasai jika dibandingkan dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.

Sebelum kanak-kanak boleh mula diajar melafazkan pemikirannya dalam bentuk penulisan, mereka perlu terlebih dahulu diberi asas yang kukuh dalam struktur-struktur linguistik bahasa yang hendak digunakan seperti sistem fonologi, perbendaharaan kata, tatabahasa dan semantik bahasa tersebut. Dalam ekspresi dan penyampaian idea, ayat adalah ‘kenderaan’ utama bagi seseorang penulis untuk menyampaikan hasrat atau maksud yang dapat difahami oleh pembaca. Ayat-ayat yang baik dan efektif tidak sahaja dapat memainkan peranan sebagai media antara penulis dan pembaca tetapi juga menggambarkan gaya penulisan dan kebolehannya sebagaimana yang ditekankan oleh Watkins et. al (1965) dan O’Hare (1973). Menurut Watkins et.al (1965), unsur-unsur

gaya yang dapat menggambarkan stail penulisan seseorang ialah pemilihan kata dan ekspresi, susunan perkataan dalam ayat dan keragaman dalam pola ayat.

Sungguhpun dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah, komponen-komponen itu diajarkan secara terpisah daripada segi praktis kegunaannya adalah untuk tujuan yang sama iaitu untuk meningkatkan kemahiran penulisan. Lebih penting daripada itu, kemahiran menulis yang diperoleh pelajar kegunaannya bukan setakat di dalam bilik darjah sahaja tetapi mempunyai kepentingan penulisan yang lebih luas lagi. Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Rendah (1983) dengan jelas menyatakan bahawa di akhir program Bahasa Malaysia, murid-murid seharusnya boleh menghasilkan penulisan yang baik dan jelas di dalam bentuk penulisan karangan dan lain-lain kerja bertulis. Dalam ‘Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Rendah’ ada dinyatakan bahawa pada akhir program, murid-murid harus boleh membina dan menulis ayat-ayat yang mempunyai struktur seperti yang berikut:

- A.
 - a) Ayat Dasar dengan frasa minima (terutama ayat negatif, pasif dan ragam ayat; penyata, tanya, kehendak dan seru)
 - b) Ayat Dasar (subjek / predikat / objek yang terdiri daripada frasa lebih daripada satu kata) termasuk ayat negatif, pasif dan ragam ayat.
 - c) Ayat Dasar dengan keterangan (termasuk ayat negatif, pasif, dan ragam ayat)

B. Ayat Berlapis dengan keterangan (termasuk ayat negatif, pasif dan ragam ayat).

Selain daripada waktu Bahasa Malaysia yang sebanyak enam kali seminggu, pelajar-pelajar mendapat pendedahan tentang Bahasa Malaysia daripada pelbagai sumber secara formal dan tidak formal sama ada di sekolah dan di rumah. Di peringkat sekolah, Bahasa Malaysia adalah bahasa perantaraan yang digunakan untuk menyampaikan mata pelajaran-mata pelajaran lain oleh guru-guru mereka. Selain itu Bahasa Malaysia juga digunakan dalam masyuarat, taklimat, ceramah dan sebagainya. Ini semua seharusnya telah menyediakan ruang-ruang yang luas kepada pelajar-pelajar menguasai Bahasa Melayu Baku sebaik mungkin sama ada dari segi pertuturan dan penulisan.

Pelajar-pelajar juga mempelajari Bahasa Malaysia secara tidak formal di rumah melalui siaran radio dan televisyen di samping bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia seperti komik, cerpen, akhbar dan majalah. Ini semua merupakan faktor yang positif yang seharusnya membantu kecekapan bahasa pelajar-pelajar dalam pertuturan dan penulisan juga.

Banyak kajian yang telah dibuat di negara Barat dan juga dalam negara tertumpu kepada analisis kesalahan bahasa yang terdapat dalam karangan pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan tinggi. Kajian-kajian ini termasuklah kajian yang pernah dilakukan oleh Khadijah Abdul Hamid (1984), Muhamad Noor Ishak (1987), Maimunah Samat (1989), Ismail Abdul Rajah (1990), Mariam Mohamad (1991), Narayanan Kunci Raman (1991), Faraded Mohd Dom (1992), Yap Kim Fatt (1991), Rahmad Sukor Abdul Samad (1994)

menumpukan kepada aspek kaedah dan pendekatan pengajaran kemahiran mengarang, kesan sambutan terhadap penulisan karangan dan analisis kesilapan bahasa.

Oleh sebab itulah pengkaji merasakan bahawa kajian ini penting untuk membantu guru-guru Bahasa Malaysia mengenalpasti kecenderungan pelajar memilih jenis-jenis dan pola-pola ayat Bahasa Melayu dalam karangan mereka di samping mengesan kelemahan yang terdapat dalam ayat-ayat yang dipilih itu. Di samping itu pengkaji juga ingin melihat mutu bagi setiap jenis dan ragam ayat yang dipilih oleh pelajar.

1.2 Signifikan Kajian

Apa yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran menulis dan mengarang di sekolah-sekolah adalah tindakan guru bahasa yang tidak memperincikan serta mendalamai langkah-langkah penulisan. Bagi guru-guru bahasa, biasanya perbincangan yang ringkas dan menyenaraikan isi-isi yang diberikan oleh murid-murid dalam pengajaran menulis atau mengarang sebelum pelajar ditugaskan untuk menyiapkan satu karangan atau penulisan.

Kurangnya kesedaran tentang peri pentingnya pemakaian pola ayat yang pelbagai dan kepatuhannya kepada hukum tatabahasa merupakan faktor yang menyebabkan karangan pelajar menjadi kurang bermutu dan hal ini membawa kepada markah karangan yang rendah. Oleh itu, selain daripada faktor-faktor lain, penggunaan bahasa dan pemakaian pola, jenis ayat yang pelbagai dan baik menjadi intipati kepada bermutu atau tidaknya satu-satu penulisan itu. Oleh hal yang demikian, pengkaji merasakan bahawa kajian ini penting untuk melihat keupayaan murid-murid sekolah rendah menulis karangan dengan menumpukan perhatian

kepada aspek sintaksis iaitu jenis dan pola ayat yang dipilih oleh pelajar dalam karangan mereka supaya guru-guru bahasa dapat mengesan kelemahan sintaksis yang sering mengganggu kelancaran wacana penulisan pelajar. Dengan itu dapatan kajian ini akan dapat membantu guru-guru bahasa memilih kaedah pengajaran penulisan yang sesuai di samping penggunaan bahan pengajaran yang dapat membantu memperbaiki mutu ayat dalam karangan pelajar. Hasil kajian ini juga boleh membantu Kementerian Pendidikan untuk melihat keberkesanan kurikulum Bahasa Malaysia yang sedia ada khususnya aspek penulisan sama ada boleh diteruskan dengan kurikulum yang sedia ada atau perlu diperbaiki semula bahagian-bahagian yang berkaitan. Selain itu hasil kajian ini juga dapat memberi garis panduan kepada pengarang-pengarang buku Bahasa Malaysia memilih strategi yang sesuai dalam menyediakan buku teks dan buku kerja supaya buku-buku Bahasa Malaysia yang digunakan di sekolah dapat membantu serta membimbing pelajar menulis karangan yang bermutu seperti yang dikehendaki oleh Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai tiga tujuan seperti yang berikut:

- a) Melihat jenis, pola atau ragam ayat yang digunakan oleh pelajar pelajar darjah 3 dan pelajar pelajar darjah 5 dalam penulisan karangan.
- b) Melihat aspek kelemahan dalam pemakaian pola dan jenis ayat yang digunakan oleh pelajar.
- c) Membuat perbandingan jenis, pola atau ragam ayat yang digunakan oleh subjek-subjek dalam kajian ini.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan seperti yang tersebut di atas, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah jenis dan pola ayat yang digunakan oleh pelajar-pelajar darjah 3 dalam penulisan karangan mereka?
2. Apakah jenis dan pola ayat yang digunakan oleh pelajar-pelajar darjah 5 dalam penulisan karangan mereka?
3. Adakah perbezaan dari segi jenis, dan pola ayat yang digunakan oleh pelajar-pelajar darjah 3 dan darjah 5?

1.5 Batasan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah terbatas kepada tinjauan terhadap hasil penulisan empat orang pelajar Melayu di sebuah sekolah rendah. Sebanyak dua belas karangan dianalisis oleh pengkaji untuk melihat jenis dan pola ayat yang dipilih oleh pelajar-pelajar tersebut. Setiap pelajar diminta mengarang tiga buah karangan yang ditetapkan dalam tempoh yang ditentukan juga.

1.6 Huraian Definisi Dan Istilah

- 1.6.1 Karangan : Karangan ialah suatu bentuk penulisan yang bertujuan menggambarkan sesuatu, mencerita atau melaporkan sesuatu, mendedah, memberi pandangan atau pendapat mengenai sesuatu atau membincangkan dan membahas mengenai sesuatu tajuk dan perkara. Dalam menulis karangan melibatkan beberapa subkemahiran penting yang mengisi konstrak (construct) atau konsep kemahiran menulis. Sub-sub kemahiran itu adalah seperti memahami tujuan menulis, menyusun isi, dan proses penulisan seperti menulis draf dan menyemak, kemahiran-kemahiran bahasa seperti sintaksis, tatabahasa dan pemilihan kata dan kemahiran mekanis seperti ejaan, tanda baca dan kebolehbacaan tulisan tangan.
- 1.6.2 Analisis : bermaksud penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan dll) untuk mengetahui pelbagai aspek dan ciri-cirinya secara terperinci dan mendalam